

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2011/2012

NAMA KURSUS : TEKNOLOGI TANAMAN
SAYURAN DAN HIASAN

KOD KURSUS : BBR 20403

KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(SEKOLAH RENDAH) DENGAN
KEPUJIAN

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2012

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

- ARAHAN :**
- (1) JAWAB **SEMUA** SOALAN DI BAHAGIAN A & BAHAGIAN 2 SERTA
MANA-MANA **DUA (2)** SOALAN DIBAHAGIAN C
 - (2) JAWAPAN DI BAHAGIAN A & BAHAGIAN B HENDAKLAH
DIJAWAB DALAM BUKU SOALAN INI, MANAKALA JAWAPAN
BAGI BAHAGIAN C HENDAKLAH MENGGUNAKAN BUKU SKRIP JAWAPAN
YANG DISEDIAKAN
 - (3) BUKU SOALAN HENDAKLAH DISERAHKAN BERSAMA SKRIP JAWAPAN
ANDA PADA AKHIR PEPERIKSAAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI (13) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A (20 MARKAH)

Jawab **semua** soalan

- S1** Kepentingan industri tanaman sayuran dan tanaman hiasan ialah
- A menjana ekonomi
 - B mengurangkan kadar inflasi
 - C pengurusan yang sistematik
 - D penggunaan teknologi moden
- S2** Manakah urutan yang tepat tentang kaedah pengelasan tumbuhan ?
- A Alam → Order → Filum → Kelas → Keluarga → Genus → Spesies
 - B Alam → Kelas → filum → Order → Keluarga → Genus → Spesies
 - C Alam → Filum → Kelas → Order → Keluarga → Genus → Spesies
 - D Alam → Order → Kelas → Keluarga → Filum → Genus → Spesies
- S3** Pilih perkara utama dalam menyediakan rancangan kerja projek tanaman sayuran atau hiasan
- A Carta Gantt
 - B Kalendar takwim
 - C Kos pengeluaran
 - D Jadual pelaksanaan
- S4** Tentukan yang manakah **bukan** ciri biji benih sayur-sayuran yang sesuai untuk ditanam?
- A Berisi penuh
 - B Cukup matang
 - C Bersaiz normal
 - D Memerlukan rawatan kimia

S5 Apakah faktor-faktor yang perlu diberikan perhatian semasa membuat pemilihan tapak penanaman?

- I Penduduk yang ramai
- I Bekalan air yang mencukupi
- II Banyak pokok untuk teduhan
- III Sistem pengangkutan yang baik

- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C II dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja

S6 Mengapakah anak benih tanaman sayuran tidak sesuai ditanam dalam keadaan suhu yang terlalu tinggi?

- A Bertambahnya respirasi tisu anak benih
- B Mempercepatkan pengeluaran pucuk tanaman sayuran
- C Mudah diserang perosak dan penyakit tanaman sayuran
- D Kerosakan kepada tempat penyimpanan tanaman sayuran

S7

Baja Bunga Merah 15:15 :17 50 kg
--

Rajah 1

Rajah 1 di atas menunjukkan satu beg baja campuran seberat 50 kg. Antara berikut yang manakah kandungan nutrien yang betul?

- A 15 Nitrat, 15 Kalium dan 17 Ferum
- B 15 Nitrat, 15 Ferum dan 17 Kalsium
- C 15 Nitrogen, 15 Fosforus dan 17 Kalium
- C 15 Nitrogen, 15 Kalsium dan 17 Fosforus

- S8** Manakah peringkat pengutipan hasil sayur-sayuran yang sesuai?
- I Kangkung dikutip hasilnya 6-8 minggu selepas dituai
 - II Bayam mulai dikutip hasilnya lebih kurang 8 minggu selepas disemai
 - III Bendi dipetik semasa muda, lembut dan hujungnya senang dipatahkan
 - IV Bebawang yang daunnya segar dianggap matang dan sesuai untuk dituai
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja
- S9** Nyatakan kebaikan penanaman secara hidroponik
- A Penggunaan kawasan yang lebih luas
 - B Masa dan pengurusan yang lebih panjang
 - C Boleh ditanam di luar musim dan bermusim
 - D Hasil tanaman bersih dan boleh pelbagai jenis
- S10** Pilih medium yang digunakan dalam bekas atau bakul tanaman hidroponik.
- A Mudah reput
 - B Mudah dicuci
 - C Berkualiti dan mahal
 - D Tidak perlu ruang pengudaraan
- S11** Apakah kesan kekurangan unsur nitrogen kepada sayur-sayuran
- A Bentuk daun muda tidak sekata dan tidak subur
 - B Warna daun menjadi hijau tua dan pertumbuhan terbantut
 - C Daun menguning pada tisu hujung, tepi daun layu dan mati
 - D Daun akan menjadi kuning dan daun di bawa akan menjadi gugur

- S12** Plastik lutsinar atau kepingan kaca digunakan semasa semaian biji benih tanaman hiasan kerana....
- A dapat mengurangkan kehilangan air
 - B dapat mengurangkan percambahan biji benih
 - C akan meningkatkan suhu di dalam kotak semaian
 - D dapat menghalang serangan perosak dan jangkitan penyakit
- S13** Mengapakah lapisan kambium perlu dikikis di dalam kerja memarkot?
- A Menggalakkan pembentukan akar yang banyak
 - B Memastikan bahagian bawah kelaran tidak mendapat bekalan makanan
 - C Membolehkan bahagian kayu pada bahagian kelaran menyerap air hujan
 - D Mengelakkan pertumbuhan semula kulit dan menggalakkan pengeluaran Akar
- S14** Anda hendak menanam sepokok bunga kertas ketinggian 100 cm didalam sebuah bekas.
- Apakah kelebihan menanamnya di dalam pasu simen berbanding pasu tanah liat?
- A Lebih murah
 - B Tahan lebih lama
 - C Mempunyai liang udara
 - D Sesuai dengan pokok ketinggian 100 cm
- S15** Manakah hitungan nisbah yang sesuai untuk melakukan pembiakan tumbuhan secara markot (tut) ?
- A 2 bahagian tanah loam: 1 bahagian bahan organik: 1 bahagian pasir
 - B 3 bahagian tanah loam; 3 bahagian bahan organik; 1 bahagian pasir
 - C 7 bahagian tanah loam: 3 bahagian bahan organik: 2 bahagian pasir
 - D 7 bahagian tanah loam: 4 bahagian bahan oorganik: 3 bahagian pasir

- S16** Bagaimanakah keadaan tanaman hiasan sekiranya air disiram secara berlebihan ?
- A Batang reput dan lecur
 - B Warna daun pudar dan gugur
 - C Tepi daun kekuningan dan kering
 - D Akar reput dan tumbuhan terbantut
- S17** Pengubahsuaian topografi sering dilakukan dalam projek pelandskapan bagi tujuan berikut
- I Mengubah arah penyaliran
 - II Membentuk ruang-ruang dalam tapak projek
 - III Meningkatkan pemandangan yang lebih menarik
 - IV Mewujudkan keharmonian dalam projek landskap
- A I, II dan III sahaja
 - B III, IV dan V sahaja
 - C I, II dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- S18** Pilih yang manakah di antara berikut menunjukkan salah satu prinsip mereka bentuk landskap?
- A Struktur
 - B Topografi
 - C Nilai sosial
 - D Penumpuan